

# Suhaimi beri dua cara atasi kemiskinan rakyat

PASIR PUTIH, Jumaat — Presiden Gerakan Belia 4B Malaysia, Datuk Haji Suhaimi Datuk Haji Kamaruddin, memberi dua cara bagi membasmi kemiskinan di kalangan rakyat negara ini, terutamanya petani dan nelayan.

Pertama, mengurangkan jumlah petani dan nelayan di negara ini dan kedua, menambahkan industri-industri besar dan kecil di bandar-bandar.

Katanya, cara ini hanya boleh dicapai dengan menggalakkan

bella-bella bekerja dalam industri-industri di bandar-bandar, serta menumpukan usaha ke arah memajukan lagi lapangan pertanian dan perikanan dengan penggunaan alat-aat moden.

Ketika berucap merasmikan mesyuarat agung Gerakan Belia 4B Malaysia daerah Pasir Putih di sini semalam, beliau berkata, jika cara ini dilaksanakan secepat mungkin, tidak akan timbul lagi masalah kemiskinan di kalangan mereka menjelang tahun 1990.

Menurut Datuk Haji Suhaimi, mengekalkan jumlah kaum tani dan nelayan yang ada sekarang membolehkan mereka menambah pendapatan kerana tidak ada persaingan dengan orang lain atau generasi muda.

"Bagi petani, mereka tidak payah lagi membahagikan atau menyewa tanah-tanah sawah dari orang lain untuk dikerjakan. Dengan ini pendapatan diperolehi sepenuhnya oleh mereka sahaja.

"Begitu juga dengan nelayan. Jika bilangan mereka semakin bertambah, sedangkan sumber-sumber ikan semakin berkurangan, pendapatan mereka terpaksa dibahagikan dengan nelayan baru," ujarnya.

Tambahnya, kerajaan bolehlah menyalurkan alat-alat moden kepada petani dan nelayan dalam mengusahakan bidang masing-masing, bagi menampung keperluan tenaga kerja dari kalangan belia yang berhijrah ke bandar-bandar.

Menurutnya lagi, bila petani dan nelayan dapat menstabilkan pendapatannya ke paras atas dari takrif kemiskinan, tidak timbul lagi masalah kemiskinan di kalangan mereka khasnya dan di kalangan rakyat negara ini amnya.

Mengenai penghijrahan belia-bella ke bandar pula, Datuk Haji Suhaimi berkata: "Saya berpendapat perkara itu patut digalakkan bagi mengurangkan pengangguran di kampung setelah kebanyakan kerja-kerja ladang dan nelayan dibantu oleh alat-alat moden.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia